



جايتن أكلام إسلام فيراق  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah  
Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : Bil. (78) JAIPK/BPM/32/12  
Tarikh : 22 Syaaban 1441  
16 April 2020

YBhg Dato'/Tuan,

**PENGUATKUASAAN PENANGGUHAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT, SOLAT BERJEMAAH, SOLAT SUNAT TARAWIH DAN PROGRAM PENGIMARAHAN DAN KEMASYARAKATAN DI SEMUA MASJID, SURAU DIRI JUMAAT DAN SURAU DI NEGERI PERAK**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) mengambil ketetapan susulan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, melalui kenyataan media Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang disiarkan pada 16 April 2020 agar rakyat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut ketetapan Kerajaan Persekutuan yang dilanjutkan sehingga 28 April 2020, melalui siaran media dengan ini dimaklumkan bahawa sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan, ketetapan-ketetapan berikut hendaklah dipatuhi oleh semua umat Islam serta Jawatankuasa Kariah Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau di Negeri Perak:-

**SOLAT JUMAAT**

3. Solat Jumaat tidak dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Umat Islam hendaklah menunaikan solat zohor di rumah masing-masing.

**SOLAT FARDHU**

4. Solat fardhu berjemaah tidak dilaksanakan di semua Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau kecuali seorang imam, seorang bilal dan seorang siak yang bertugas sahaja.

**AKTIVITI PENGAJIAN DAN KEMASYARAKATAN**

5. Semua aktiviti pengajian seperti tazkirah, kuliah, ceramah, tadarus, berbuka puasa, bersahur, qiamullail dan sebarang aktiviti yang melibatkan perhimpunan orang ramai adalah tidak dibenarkan dilakukan di semua Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau.

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**

## **SOLAT SUNAT TARAWIH**

7. Solat tarawih hendaklah dilaksanakan di rumah atau tempat kediaman masing-masing bersama-sama ahli keluarga.

## **SOLAT SUNAT AIDILFITRI**


8. Solat sunat Aidilfitri ini hendaklah dilaksanakan di rumah atau kediaman masing-masing bersama-sama ahli keluarga. Walau bagaimanapun, Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau boleh melaksanakan solat sunat Aidilfitri ini mengikut ketetapan di bawah:-

1. Dilaksanakan oleh Pegawai Masjid (seorang Imam, seorang Bilal dan seorang Siak sahaja);
2. Khatib yang bertugas hendaklah membaca khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak sahaja dan boleh menggunakan pembesar suara luar untuk dapat didengari oleh penduduk di sekitar masjid;
3. Imam hendaklah membaca surah yang pendek dan wirid yang ringkas;
4. Tiada aktiviti berjabat tangan sebelum dan selepas solat.

9. Diharapkan kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau agar dapat mematuhi segala ketetapan berikut. Segala keprihatinan dan kerjasama Tuan amatlah kami hargai. Sekian, dimaklumkan.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN )**

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak

[myusop@perak.gov.my](mailto:myusop@perak.gov.my)

(T) 05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k     *Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak*

*Semua Orang Besar Jajahan (OBJ),  
Pejabat Orang Besar Jajahan Daerah,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.*